

# **Kertas Bil. 42/2014**



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI  
AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI  
SELANGOR BERKENAAN CADANGAN  
PENSTRUKTURAN SEMULA ANAK-ANAK SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

---



**PENYATA JAWANTANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN CADANGAN PENSTRUKTURAN SEMULA ANAK-ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

**1. PENDAHULUAN**

Selaras dengan Peraturan 68c. (1) – (2) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga, Penggal Kedua, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2014 pada 24-28 November dan 1-5 Disember 2014.

**2. TUMPUAN LAPORAN JAWATANKUASA**

Laporan Jawantankuasa Pilihan Agensi , Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) ini adalah untuk menguraikan cadangan umum jawatankuasa kepada Kerajaan Negeri supaya menstruktur semula semua anak-anak syarikat Selangor untuk meningkatkan kebajikan rakyat.

**3. MESYUARAT TERTUTUP**

JP-ABAS telah mengadakan mesyuarat tertutup pada 5 November 2014 (Rabu) bagi membincangkan cadangan umum jawatankuasa kepada Kerajaan Negeri supaya menstruktur semula anak-anak syarikat Selangor.

Hadir dalam pendengaran tertutup tersebut:

- |   |           |
|---|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kawasan Kinrara)                 | Ahli      |
| 3. Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Kawasan Damansara Utama)       | Ahli      |
| 4. Y.B. Puan Gan Pei Nei<br>(ADN Kawasan Rawang)                | Ahli      |

**4. PERTUKARAN AHLI JAWATANKUASA**

Laporan Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor (JP-ABAS) ini adalah dibuat dan disahkan oleh ahli Jawatankuasa sepermula pada 5 November 2014 setelah dua ahli Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri meletakkan jawatan:

- i) Y.B. Tuan Amirudin bin Shari yang meletakkan jawatan pada 26 September 2014 setelah dilantik sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor (MMKN) pada 26 September 2014.
- ii) Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz yang meletakkan jawatan pada 1 Oktober 2014 setelah dilantik sebagai pembantu ahli Majlis Mesyuarat Negeri Selangor (MMKN) pada 1 Oktober 2014.

Ahli Jawatankuasa sebagaimana 5 November 2014:

- |   |           |
|---|-----------|
| 1. Y.B. Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang)    | Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kawasan Kinrara)              | Ahli      |
| 3. Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Kawasan Damansara Utama)     | Ahli      |
| 4. Y.B. Puan Gan Pei Nei<br>(ADN Kawasan Rawang)              | Ahli      |
| 5. Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif<br>(ADN Kawasan Dengkil) | Ahli      |

Ahli Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS) yang sebelum ini adalah seperti berikut;

- |   |           |
|---|-----------|
| 1. Y.B. Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang)    | Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kawasan Kinrara)              | Ahli      |
| 3. Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Kawasan Damansara Utama)     | Ahli      |
| 4. Y.B. Puan Gan Pei Nei<br>(ADN Kawasan Rawang)              | Ahli      |
| 5. Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif<br>(ADN Kawasan Dengkil) | Ahli      |

6.	Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (ADN Kawasan Batu Caves)	Ahli
7.	Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (ADN Kawasan Lembah Jaya)	Ahli

## 5. LATAR BELAKANG

1. Jawatankuasa telah dimaklumkan bahawa terdapat 74 anak-anak syarikat di Negeri Selangor. Walaubagaimanapun, angka ini mungkin berbeza dengan apa yang sebenar kerana Jawantankuasa mendapati bahawa banyak anak-anak syarikat ada subsidiari-subsidiari yang juga ada subsidiari sendiri beberapa peringkat ke bawah.
2. Secara umum, pada dasarnya, peranan anak-anak syarikat sepatutnya hanya untuk:
  - a) Bertindak sebagai satu mekanisme untuk membetulkan kegagalan pasaran bebas dan '*free market negative externalities*' untuk mencapai keadilan sosial dan ekonomi. Contohnya, pembangunan rumah kos rendah.
  - b) Memastikankekayaan sumber semula jadi dapat dimaksimakan untuk kebaikan rakyat. Contohnya, Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) di Selangor.
  - c) Melindungi sumber-sumber penting rakyat supaya tidak terletak sepenuhnya di bawah tangan kapitalis yang objektif utama ialah memaksimakan keuntungan. Contohnya, pengambil alih semula industri air di Selangor.
  - d) Merangsang industri baru yang memerlukan masa yang lama untuk mencapai kematangan apabila pelabur swasta menjadi berminat untuk melabur.
3. Di Selangor, beberapa anak-anak syarikat juga bertindak sebagai agensi pelaksana dasar kerajaan seperti Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS), Rantaian Mesra Sdn Bhd (RMSB) dan Selangor State Investment Center Sdn Bhd (SSIC) yang tidak terlibat dalam aktiviti-aktiviti perniagaan.
4. Akan tetapi, selain daripada peranan-peranan di atas, Jawantankuasa mendapati bahawa anak-anak syarikat negeri Selangor juga terlibat dalam banyak jenis perniagaan yang lain. Apabila kerajaan cuba untuk meletakkan dirinya untuk menggantikan fungsi perniagaan, perusahaan, dan pasaran, kesannya lebih banyak buruk berbanding dengan yang baik. Banyak anak-anak syarikat di Malaysia termasuk di Selangor, tidak menunjukkan prestasi yang baik malah ada banyak yang mengalami kerugian. Salah satu sebabnya ialah banyak syarikat-syarikat itu dilindungi daripada tekanan persaingan, terdedah kepada birokrasi yang berat dan seringkali tidak cekap. Memandangkan Kerajaan Negeri adalah pemegang saham terbesar

dalam anak-anak syarikat, ketidakcekapan, kerugian dan keuntungan yang rendah di anak-anak syarikat akan memberikan kesan kehilangan manfaat kepada rakyat. Oleh itu, prestasi anak-anak syarikat adalah sangat penting untuk menjaga kepentingan rakyat.

## 6. PENEMUAN JAWATANKUASA

### 6.1 Prestasi yang Tidak Memuaskan

1. Menurut kajian McKinsey, pulangan ke atas aset (ROA) bagi syarikat milik negeri di China adalah kurang daripada separuh berbanding sektor swasta. Perkara yang sama juga didapati oleh Jawantankuasa di Selangor.
2. Selain daripada anak-anak syarikat yang berfungsi sebagai agensi pelaksanaan seperti RMSB, YAWAS dan SSIC, laporan audit negara telah menunjukkan bahawa prestasi kewangan kebanyakan anak-anak syarikat Selangor yang telah diaudit semenjak 2012 adalah tidak memuaskan ataupun tidak mencapai sasaran. Syarikat-syarikat ini termasuk SOPIC, De Palma, Polens, MSNS Holdings, Bukit Beruntung Golf and Country Club dan Pendidikan Industri YS Sdn Bhd. Selain itu, daya persaingan anak-anak syarikat juga lebih rendah dibandingkan dengan syarikat-syarikat swasta lain dalam industri yang sama.
3. Di sektor pertanian, Selangor Oil Palm Industries Corporation Sdn Bhd (SOPIC) mencatat ROA 0.01 dan pulangan ke atas ekuiti (ROE) 0.06 yang jauh berbeza dengan syarikat-syarikat swasta di Bursa Malaysia mahupun anak-anak syarikat perseketuan Felda dan TH Plantation seperti di Jadual 1.

Jadual 1: Perbandingan ROA dan ROE di Sektor Pertanian<sup>1</sup>

Syarikat	ROA	ROE
IOI Corporation	6.44	12.64
Kuala Lumpur Kepong	9.26	14.46
PPB Group	5.27	5.71
Sime Darby Bhd	6.55	11.18
United Plantations	11.19	12.16
TH Plantations	3.00	6.79
Felda Global Ventures Holdings	5.53	12.94
<b>SOPIC</b>	<b>0.01</b>	<b>0.06</b>

4. Di industri harta tanah, dengan membandingkan antara PKNS dan PNSB yang merupakan syarikat harta tanah dengan syarikat harta tanah di Bursa Malaysia yang diurus swasta, kita juga dapat melihat perbezaan yang amat ketara. PKNS dan PNSB mencatatkan ROA sebanyak 0.083 dan 0.027 berbanding dengan Sunway 17.2, YTL Land 1.23, Mah Sing Group 6.80, SP Setia 3.87 dan UEM Sunrise 4.09. Begitu juga dengan ROE, di mana PKNS dan PNSB mencatatkan ROE 0.144 dan 0.069 berbanding Sunway 32.67, YTL Land 3.38, Mah Sing

<sup>1</sup> Rujukan syarikat swasta: [www.reuters.com](http://www.reuters.com), 7 November 2014; SOPIC: Laporan Ketua Audit Negara 2012.

Group 16.52, SP Setia 6.77 dan UEM Sunrise 6.88.

Jadual 2: Perbandingan ROA dan ROE di Industri Hartanah<sup>2</sup>

Syarikat	ROA	ROE
Sunway	17.2	32.67
YTL Land	1.23	3.38
Mah Sing Group	6.80	16.52
SP Setia	3.87	6.77
UEM Sunrise	4.09	6.88
PKNS	0.083	0.144
PNSB	0.027	0.069

5. Walaubagaimanapun, PKNS dan PNSB perlu melakukan projek-projek pembangunan untuk objektif sosial seperti rumah mampu milik yang menjaskankan prestasi ROA dan ROE. Akan tetapi, tiada wujudnya satu mekanisme untuk membuat perbandingan yang bermakna di antara anak-anak syarikat dengan syarikat-syarikat swasta supaya disiplin kewangan dan kecekapan dapat dipupuk di anak-anak syarikat.

---

<sup>2</sup> Rujukan Sunway, YTL, Mah Sing, SP Setia: [www.reuters.com](http://www.reuters.com), 7 November 2014; UEM Sunrise: [www.market.ft.com](http://www.market.ft.com), 7 November 204; PKNS: Laporan Kewangan 2011, SSM; PNSB: Laporan Kewangan 2012, SSM

## **6.2. Perjanjian Berat Sebelah**

1. Penyelewangan atau kecetuaian mudah berlaku di anak-anak syarikat sebab tiada pemantauan dan perundangan yang mengawal anak-anak syarikat dengan sempurna. Situasi yang paling biasa dialami oleh anak-anak syarikat adalah penandatangan perjanjian yang berat sebelah ataupun dengan klausula-klausula yang tidak dapat menjamin kepentingan kerajaan negeri. Antara contoh-contoh kes yang telah ditemui oleh jawantankuasa adalah:
  - a) Kontrak pemajakan hutan simpan Rantau Panjang dan Bukit Tarek yang memajak tanah kepada syarikat pemajak dengan kadar pemajakan dan royalti yang terlalu rendah serta tempoh kontrak yang tinggi (50 tahun).
  - b) Perjanjian usahasama Bernam Airfield antara Yayasan Selangor Aviation Development Corporation (ADC) yang tiada klausula-klausula yang menjamin kepentingan kerajaan kewangan apabila projek tergendala. Situasi ini telah mengekang Yayasan Selangor daripada mengusahakan tanah seluas 216 ekar ini tanpa menutup kes mahkamah dengan ADC.
  - c) Kos penyelanggaran kemudahan kem bina semangat dan kem PLKN di Ampang Pecah yang melampau tinggi akibat proses pemberian kontrak yang tidak telus.

## **6.3 Pertindihan Tanggungjawab Anak-anak Syarikat**

1. Jawantankuasa juga mendapati bahawa terdapat banyak anak-anak syarikat yang mencebur dalam bidang yang sama dan memain peranan yang sama. Contohnya, ada banyak anak-anak syarikat Selangor telah menjadi pemaju termasuk PKNS, PNSB, KDEB, Worldwide Holdings dan lain-lain. Kerajaan tidak sepatutnya melibatkan diri dalam perniagaan melainkan dalam pengusahaan yang penting untuk matlamat sosial. Contohnya, pembangunan rumah mampu milik.

## **7. SARANAN JAWANTANKUASA**

### **7.1 Melantik Konsultan Profesional untuk Memberi Cadangan Penstruktur Semula**

1. Jawatankuasa berpendapat bahawa kerajaan negeri wajar merombak semula struktur anak-anak syarikat Selangor supaya mengurangkan penglibatan kerajaan dalam perniagaan. Kajian perlu dilakukan untuk memastikan kerajaan negeri hanya terus mempunyai milikan strategik dalam perniagaan-peniagaan yang berkaitan dengan kepentingan rakyat, mengurangkan kepentingan dalam beberapa anak-anak syarikat, senaraikan beberapa yang lain di Bursa Malaysia untuk meningkatkan disiplin kewangan serta menjual yang selebihnya. Ini akan mengurangkan kerugian yang perlu dibiayai oleh Kerajaan Negeri akibat ketidakcekapan anak-anak syarikat.

2. Penstrukturian semula anak-anak syarikat memerlukan kepakaran yang profesional. Dengan itu, Jawantankuasa bercadang bahawa kerajaan melantik satu pasukan konsultan untuk memberi cadangan yang menyeluruh dan profesional dan berdasarkan analisis yang mendalam dengan fakta dan angka.

## **7.2 JP-ABAS untuk Mengkaji Rangka Kerja Neutraliti Kompetitif**

1. Jawantankuasa mencadangkan supaya kerajaan negeri mewujudkan Rangka Kerja Neautraliti kompetitif (Competitive Neutrality Frameworks, CNF) seperti yang disokong oleh Garis Panduan Urus Tadbir Korporat Perusahaan Milik Kerajaan Negeri OECD ("Garis Panduan SOE").
2. Memperkenalkan sebuah CNF adalah untuk mewujudkan perundangan dan persekitaran makro di mana anak-anak syarikat kerajaan beroperasi hampir serupa seperti keadaan yang dihadapi oleh pesaing sektor swasta. Keadaan persaingan neutral menggalakkan persaingan secara berkesan antara anak-syarikat kerajaan dengan syarikat-syarikat swasta dengan mengurangkan kelebihan dalam persaingan yang diterima oleh anak-anak syarikat (seperti bantuan kewangan kerajaan negeri, tanah murah dan lain-lain). Dengan ini, anak-anak syarikat terpaksa meningkatkan efisiensi supaya dapat bersaing dalam pasaran bebas.

Penyata ini disediakan oleh Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Ahli) Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh JP-ABAS di mesyuarat Jawatankuasa pada 5 November 2014.

Disahkan oleh:



.....  
YB Tuan Haji Saari bin Sungib

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak-Anak Syarikat  
(JP-ABAS)

## AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut merupakan anggota Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri (JP-ABAS):

- |   |           |
|---|-----------|
| i)Y.B.Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| ii)Y.B. Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kawasan Kinrara)              | Ahli      |
| iii)Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Kawasan Damansara Utama)    | Ahli      |
| iv)Y.B. Puan Gan Pei Nei<br>(ADN Kawasan Rawang)              | Ahli      |
| v)Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif<br>(ADN Kawasan Dengkil)  | Ahli      |

## **URUS SETIA**

- i)Puan Elya Marini binti Darmin  
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
- ii)Encik Mohd Khairul Ashraff bin Radzali  
Ketua Penolong Setiausaha
- iii)Encik Jurasmadi bin Pauzi  
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iv)Puan Siti Salina binti Muftar  
Setiausaha Pejabat
- v)Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid  
Setiausaha Pejabat
- vi)Cik Apsara Murale  
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker